

01/11/2003

Ibu terharu, bersyukur

Saufi Hamzah

BUTTERWORTH: Datuk Khailan Hassan, ibu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terharu dan bersyukur apabila anaknya selamat mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima, semalam.

Khailan, 79, berkata ini kerana suasana perpindahan jawatan Perdana Menteri di negara ini dibuat lancar berbanding negara lain yang terpaksa mengalami peperangan dan pemberontakan serta rampasan kuasa.

Katanya, sebelum ini beliau tidak pernah terfikir bahawa anaknya akan menjadi Perdana Menteri.

"Saya berserah kepada Tuhan apabila dia jadi Perdana Menteri. Cuma saya

pesan jangan bangga-bangga sangat. Memang sebelum ini saya tidak terfikir

dia akan jadi Perdana Menteri. Orang kampung kata tak terlintas.

"Saya juga berterima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad pilih dia sebagai Perdana Menteri," katanya ketika menyaksikan Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri menerusi siaran langsung televisyen di rumahnya, di sini semalam.

Turut bersama Khailan ialah menantunya, Khairun Bilal, 40 dan sepupu Abdullah, Md Kamal Bilal, 41.

Abdullah adalah anak sulung daripada empat adik beradik. Tiga adiknya ialah Aminah, 61, Ibrahim, 56 dan Mohd Tahir, 49.

Kailan berkata, ketika Abdullah menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau

tidak terlintas bahawa anaknya akan memegang jawatan Perdana Menteri.

Malah, beliau bangga selepas Abdullah digugurkan sebagai menteri pada 1987, anaknya tetap setia bersama Umno sehingga sekarang.

Ketika ditanya apakah yang mula-mula Abdullah akan lakukan sebaik tiba di rumahnya petang ini, Kailan berkata: "Dia akan cium tangan saya kerana

itu adalah amalan biasa dari dulu."

Kailan berkata, ketika zaman remajanya, Abdullah memang disenangi saudara mara dan sahabat handai.

Sementara itu, Md Kamal berkata, sepupunya itu menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan sehingga mencapai kejayaan sekarang.

"Tanggung jawab sebagai Perdana Menteri berat, kena jaga rakyat.

Pernah

saya ingat kata-kata datuk kepada Pak Lah iaitu Abdullah Fahim bahawa Lah

akan jadi seseorang yang penting suatu hari nanti," katanya.